



**TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN SAHIB @ SAHIBUDDIN  
NAIB CANSELOR UiTM**

**SEMPENA**

**MALAM SHAH ALAM BERSELAWAT**

**20 NOVEMBER 2023 | ISNIN | 8:30 MALAM**

**MASJID AL-WATHIQU BILLAH  
TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN  
UiTM SHAH ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

- **Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

- Barisan Pengurusan Kanan UiTM
- Barisan Pengurusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar
- Barisan Pengurusan Bahagian Hal Ehwal Islam
- Jawatankuasa Penganjur
- Yang dihormati tetamu jemputan, dan;
- Para hadirin sekalian.

[salutasi- kemas kini berdasarkan kehadiran]

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## **Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, pada hari ini bagi program **Shah Alam Berselawat sempena Pesta Konvokesyen UiTM 2023.**

2. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar, UiTM Shah Alam bagi Sesi 2022/2023 yang telah menganjurkan program ini.

3. Saya difahamkan Pesta Konvokesyen UiTM 2023 diadakan selama 12 hari ini merupakan inisiatif Majlis Perwakilan Pelajar dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar untuk meraikan para graduan dan

pengunjung, seterusnya memeriahkan lagi Istiadat Konvokesyen UiTM yang ke-98.

**Para hadirin sekalian,**

4. Dalam kita mengejar dan berinspirasi mendapatkan kejayaan dalam dunia akademik, usaha ke arah menjaga nilai keagamaan di dalam diri juga perlu diselarikan agar keberkatan di dunia dan di akhirat yang diingini oleh semua umat Islam dapat direalisasikan.

5. Justeru, bertepatanlah dengan objektif yang dibawa dalam program Shah Alam Berselawat ini, yang mana bertujuan untuk menghimpunkan umat Islam tidak kira usia, ideologi dan latar belakang khususnya warga UiTM Shah Alam bagi memupuk perasaan mahabbah melalui qasidah dan zikir.

6. Pelaksanaan program ini juga bukan hanya untuk mengeratkan silaturahim antara warga Shah Alam, malah mendedahkan hiburan segar yang bermanfaat berteraskan akhlak yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin agung. Rasulullah SAW pernah

bersabda: “Bacalah selawat kepadaku kerana sesungguhnya bacaan selawat kamu semua dapat sampai kepadaku di mana saja kamu berada” (Hadis Riwayat Abu Daud).

7. Rentetan daripada itu, saya melihat pelaksanaan program ini dapat merealisasikan hasrat UiTM dalam mewujudkan masyarakat penyayang berlandaskan agama selari dengan moto UiTM iaitu Usaha, Takwa, Mulia. Ini mencerminkan keunggulan UiTM sebagai sebuah institut pengajian tinggi yang bukan sahaja melahirkan graduan yang menguasai ilmu, malah menyeimbangkan pentingnya ilmu kerohanian di dalam diri.

### **Hadirin yang dihormati**

8. Sekali lagi tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung khususnya jawatankuasa penganjuran dalam menjayakan program Shah Alam berselawat ini.

9. Kerjasama dan komitmen yang tinggi ini menunjukkan kemampuan mahasiswa UiTM khususnya, membangunkan kebolehan diri yang selari dengan penerapan elemen pemerkasaan mahasiswa dalam penganjuran program berimpak tinggi. Semoga usaha ini dibalas dengan kebaikan. Insya-Allah.

10. Akhir kalam, marilah sama-sama kita memanfaatkan program ini dengan memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW dan jadikannya sebagai amalan harian bagi memperkasa nilai kerohanian dalam membentuk sahsiah yang unggul.

**Sekian.**

**Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalaamualaikum,  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**